

Pengaruh Keagamaan Terhadap Pembangunan Moral Belia: Aplikasi Teori Modal Sosial

Wan Nazihah Wan Mohamed^{1,a}, Nik Muniyati Nik Din^{2,b}, Nur Hafizah Ahmad Tajuddin^{3,c},
Zaiton Mustapha^{4,d}

^{1,3,4}Akademi Pengajian Bahasa,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan, Malaysia

²Akademi Pengajian Islam Kontemporari,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan, Malaysia

^awnazihah@ kelantan.uitm.edu.my, ^bnikmuniyati@kelantan.uitm.edu.my,
^cnurha6052@kelantan.uitm.edu.my, ^dzaiton630@kelantan.uitm.edu.my

Kata kunci: Teori Modal Sosial, keagamaan, nilai moral

Abstrak: Inisiatif pembangunan negara, Transformasi Negara 2050 (TN50), telah dilancarkan dengan sasaran bahawa Malaysia akan menjadi antara 20 negara terbaik di dunia pada tahun 2050. Pelan ini merangkumi transformasi pendidikan negara, ekonomi, kesejahteraan, alam sekitar, teknologi, interaksi sosial rakyat dan tadbir urus dengan matlamat untuk membentuk sebuah negara yang berkaliber dengan pemikiran yang sangat baik. Namun begitu, aspek keagamaan dari segi nilai kemanusiaan, hormat sesama agama dan kesejahteraan rakyat perlu dititikberatkan di dalam mencapai inisiatif TN50 demi melahirkan generasi masyarakat yang berfikiran global dan profesional di samping memiliki pegangan agama kukuh serta unggul. Selaras dengan itu, kajian ini menggunakan Teori Modal Sosial dengan mengaitkan faktor keagamaan berdasarkan kerangka model King dan Furrow (2004) untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi aspek tingkah laku belia terhadap pembangunan modal insan serta kaitannya dengan pengamalan aktiviti agama. Teori Modal Sosial merangkumi hubungan belia dengan ibu bapa, rakan-rakan serta masyarakat sekeliling manakala model kerangka King and Furrow (2004) merangkumi agama sebagai sebahagian daripada aspek sosial yang mempengaruhi tingkah laku moral individu. Objektif am bagi kajian ini adalah mengenalpasti samada aspek keagamaan mempunyai pengaruh terhadap aspek modal sosial yang menjurus kepada pembentukan nilai moral individu tersebut. Kajian ini dilaksanakan melalui pendekatan kuantitatif menggunakan soal selidik berstruktur yang diedar kepada pelajar UiTM Cawangan Kelantan Kampus Kota Bharu. Dapatan kajian ini boleh digunakan untuk mengenalpasti strategi pembentukan nilai moral ke arah mencapai objektif TN50 khususnya dalam pembangunan modal insan di kalangan belia.

Pengenalan

Inisiatif pembangunan negara, TN50 atau Transformasi Negara 2050, telah dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dengan sasaran yang Malaysia akan menjadi antara 20 negara terbaik di dunia pada tahun 2050. Pelan ini termasuk transformasi pendidikan negara, ekonomi, kesejahteraan, alam sekitar, teknologi, interaksi sosial rakyat dan tadbir urus dengan matlamat untuk membentuk sebuah negara yang berkaliber dengan pemikiran yang sangat baik (Malaysian Digest, 2017). Aspek keagamaan dari segi nilai kemanusiaan, hormat sesama agama dan kesejahteraan rakyat perlu dititikberatkan di dalam mencapai inisiatif TN50 demi melahirkan generasi masyarakat yang berfikiran global dan profesional di samping memiliki pegangan agama yang kukuh serta unggul. Selaras dengan inisiatif TN50, kajian perlu dijalankan untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi modal sosial seseorang individu terhadap pembangunan modal insan serta kaitannya dengan pengamalan aktiviti agama. Menurut kajian, amalan aktiviti agama boleh mempengaruhi seseorang individu untuk melakukan kebaikan serta memberi kesan terhadap saksiah dan prestasi kecemerlangan hidup (Khairiah, 2014).

Hubungan antara ibadah, iman dan akhlak adalah sangat erat dan tidak dapat dipisahkan. Ibadah memberi makna amal saleh yang merupakan implementasi dari iman kepada Allah SWT manakala akhlak pula merupakan hasil dari semua perkara tersebut (Baharom, Ali & Za’aba Helmi, 2008). Al-Quran ada menyebut bahawa orang yang beriman beriringan dengan orang beramal saleh seperti dalam Surah *Al-Ashr* 1-3:

“*Demi masa, sesungguhnya manusia dalam kerugian, kecuali orang-orang yang beriman dan beramal saleh dan nasihat menasihati supaya mentaati kebenaran dan nasihat menasihati supaya menetapi kesabaran*”.

Kajian Literatur

Teori Modal Sosial (Coleman, 1999) merangkumi tiga domain hubungan iaitu hubungan individu dengan ibu bapa, rakan-rakan serta masyarakat sekeliling. Namun begitu, King and Furrow (2004) telah mengaplikasikan aspek keagamaan di dalam teori modal sosial sambil menegaskan bahawa agama adalah sebahagian daripada aspek sosial yang mempengaruhi tingkah laku moral individu. Hasil kajian mereka mendapati individu yang terlibat secara aktif di dalam pengamalan aktiviti agama akan menzahirkan tahap sosial modal yang lebih tinggi (King & Furrow, 2004). Model yang digunakan merangkumi konstruk modal sosial yang menjurus kepada tiga aspek iaitu interaksi sosial, kepercayaan dan perkongsian matlamat.

Interaksi sosial adalah pertukaran maklumat antara dua atau lebih individu di dalam sesebuah masyarakat (Boundless, 2016). Kepercayaan adalah salah satu daripada ciri-ciri organisasi sosial beserta dengan norma-norma dan rangkaian yang boleh meningkatkan kecekapan masyarakat dengan memudahkan tindakan bersepadu (Putnam, 1993) manakala perkongsian matlamat merujuk kepada nilai-nilai serta matlamat bersama dan persefahaman dalam hubungan kerjasama yang merangkumi matlamat kolektif dan aspirasi ahli-ahli organisasi (Li, 2005).

Aspek keagamaan diukur melalui tiga perkara iaitu kepentingan pangamalan beragama, kekerapan penyertaan dalam aktiviti keagamaan, dan kepentingan mengambil bahagian dalam aktiviti keagamaan manakala nilai murni diukur daripada penilaian responden yang berorientasikan kepada altruistik dan empati (King & Furrow, 2004). Aspek agama melibatkan pembangunan individu dari pelbagai sudut khususnya memperkasakan akhlak dan jati diri yang seterusnya menjadi pemangkin kepada pembangunan manusia. Pengetahuan agama boleh menghalang individu dari terjebak dengan gejala sosial yang tidak sihat, merosakkan akhlak dan minda, membentuk spiritual yang murni (Fauziah et al., 2012) serta melindungi individu daripada melakukan perkara yang menyalahi undang-undang (Steinman & Zimmerman, 2004). Kajian dari Gorsuch (1995) membuktikan bahawa keterlibatan dengan aktiviti tidak sihat adalah sangat rendah di kalangan individu yang berpegang teguh kepada ajaran agama.


Kajian Dzuhailmi et al. (2014) membuktikan bahawa tahap pengamalan agama yang rendah telah mengakibatkan individu terjerumus dalam tingkah laku yang tidak sihat dalam kehidupan mereka. Penglibatan individu di dalam khidmat sukarela yang melibatkan program keagamaan juga masih pada tahap yang rendah. Fauziah et al. (2012) merumuskan bahawa tahap pengetahuan agama yang sederhana masih belum cukup untuk memastikan individu dapat mengharungi kehidupan dengan sempurna dan berjaya. McCullough dan Carter (2013) pula menjelaskan perkaitan yang sangat relevan di antara agama dan pengawalan diri manakala McCullough dan Willioughby (2009) merumuskan individu dengan pengamalan agama mempunyai aturan kehidupan yang lebih tenang dan sempurna.

Menurut Muhamad Abul Quasem (1975), Imam al-Ghazali menekankan pergaulan sosial dengan golongan soleh sebagai kaedah dalam membentuk akhlak yang mulia. Jika individu bergaul dengan orang yang baik, maka dia akan memperoleh sesuatu kebaikan dan secara tidak disedari mempelajari sesuatu daripadanya (Zakaria, Ahmad Munawar & Noranizah, 2012). Peranan persekitaran dalam pembentukan identiti bergantung kepada individu yang signifikan seperti ibu bapa, ahli keluarga dan rakan sebaya (Zakaria, Ahmad Munawar & Noranizah, 2012). Pengaruh persekitaran sosial yang paling awal diterima oleh individu adalah daripada ibu bapa sebagaimana hadis Nabi s.a.w. yang diriwayatkan oleh Imam Muslim yang bermaksud: Tidak ada seorang bayi yang dilahirkan melainkan dilahirkan dalam keadaan fitrah (bersih daripada sebarang dosa), maka kedua ibu bapanyalah yang akan menjadikan anak itu sama ada sebagai seorang Yahudi, Nasrani atau Majusi.

Kajian daripada Abdullah al-Hadi et al. (2001) telah mengenal pasti bahawa pengaruh rakan sebaya boleh menyebabkan individu terjerumus kepada perlakuan salah laku sosial. Dalam konteks Islam, interaksi adalah hubungan sesama manusia dalam kehidupan yang berkait rapat dengan akhlak dan tingkah laku. Pengertian akhlak menurut Imam al-Ghazali dalam Ihya Ulumuddin adalah “sebuah bentuk ungkapan yang tertanam dalam jiwa yang menimbulkan perbuatan-perbuatan yang senang dan mudah tanpa memerlukan pemikiran dan pertimbangan” (Al-Ghazali, 1993: 86).

Berdasarkan Teori Modal Sosial (Coleman, 1999) serta kajian King dan Furrow (2004), kajian ini dijalankan untuk menyasat hubungan pembolehubah berdasarkan model kajian seperti di Rajah 1. Maka, objektif kajian ini melibatkan pelajar Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan (UiTMCK) Kampus Kota Bharu di dalam mengenalpasti samada:

- a) Pembolehubah keagamaan mempunyai hubungan yang signifikan terhadap interaksi sosial
- b) Pembolehubah keagamaan mempunyai hubungan yang signifikan terhadap kepercayaan
- c) Pembolehubah keagamaan mempunyai hubungan yang signifikan terhadap perkongsian matlamat
- d) Pembolehubah modal sosial mempunyai hubungan yang signifikan terhadap nilai moral.



Rajah 1: Kerangka Model

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui soal selidik berstruktur yang diadaptasi dari King and Furrow (2004). Sampel kajian merupakan 239 responden yang terdiri dari pelajar UiTMCK Kampus Kota Bharu. Sebanyak 169 soalselidik telah berjaya diperolehi dengan kadar respon 70.7%.

Hasil Kajian

Profil demografi kajian menunjukkan responden terdiri dari 143 pelajar perempuan (84.6%) dan 26 pelajar lelaki (15.4%) dengan kebanyakannya terdiri dari pelajar dari Fakulti Sains Komputer dan Matematik (66.3%). Responden tergolong dalam kumpulan umur 20 tahun (11.8%), 21 tahun (53.8%), 22 tahun (29.6%) dan 23 tahun (4.7%) manakala 144 respoden (85.2%) pula mempunyai pengalaman sebagai sukarelawan.

Analisis faktor telah dijalankan untuk menentukan kebolehppercayaan dan kesahihan pembolehubah kajian. Hasil kajian menunjukkan nilai faktor laten (common factor latent) adalah 13.82% iaitu kurang dari 50% yang bermaksud data bebas daripada isu bias kaedah umum (common method bias) (Eichhorn, 2014). Jadual 1 menunjukkan hasil analisis faktor memenuhi syarat iaitu kebolehppercayaan data menghasilkan nilai Cronbach alpha melebihi 0.6 (Hair et al., 2010) manakala kesahihan data yang diukur berdasarkan Kaiser-Meyer-Olkin (KMO) adalah lebih daripada 0.6 dan ujian Sphericity Bartlett yang signifikan (p< 0.05) (Mohd Rafi, 2011). Analisis juga menunjukkan kesemua nilai eigen melebihi nilai 1 manakala 63.11% varians telah diperjelaskan oleh pembolehubah nila moral.

Jadual 1: Analisis Faktor

	Keagamaan	Interaksi Sosial	Kepercayaan	Perkongsian Matlamat	Nilai Moral
Jumlah varians diperjelaskan (Total variance explained)	55.88%	50.08%	58.57%	65.07%	51.40%
	63.11%				
Nilai eigen (Eigen-value)	4.238	4.747	7.265	7.456	4.445
Cronbach alpha	.868	.859	.859	.914	.786
KMO	.735				
Ujian Sphericity Bartlett (Bartlett’s Sphericity Test)	Chi-square=9328.864 p-value=.000				

Seterusnya analisis regresi berganda (multiple regression analysis) dijalankan untuk menguji hubungan di antara pembolehubah bebas IV (keagamaan, interaksi sosial, kepercayaan dan perkongsian matlamat) dengan pembolehubah bergantung DV (nilai moral). Jadual 2 menunjukkan bahawa pembolehubah keagamaan mempunyai hubungan yang signifikan terhadap interaksi sosial dan kepercayaan manakala modal sosial pula mempunyai hubungan yang signifikan terhadap nilai moral. Namun negitu, keagamaan tidak memberi kesan yang signifikan terhadap perkongsian matlamat.

Jadual 2: Analisis Regresi Berganda (Multiple Regression Analysis)

	R square	β	t	p-value
Keagamaan → Interaksi Sosial	.209	-.458	-6.650	.000*
Keagamaan → Kepercayaan	.074	-.271	-3.641	.000*
Keagamaan → Perkongsian Matlamat	.002	.042	.550	.583
Modal Sosial → Nilai Moral	.047	-.216	-2.857	.005*

*Signifikan pada 5% tahap keyakinan

Perbincangan

Hasil kajian membuktikan pendapat penyelidik lain yang mendapati faktor keagamaan mempengaruhi interaksi sosial (Lim & Putnam, 2010; Stroope, 2012) serta kepercayaan (Chuah et al. 2016; Traunmuller, 2011) seseorang individu ke arah menjadi insan yang bermoral tinggi. Namun begitu, nilai korelasi β yang negatif memberi erti bahawa jika aspek keagamaan individu adalah tinggi, maka interaksi sosial dan kepercayaan individu adalah rendah. Ini selaras dengan kajian Berggen dan Bjornskov (2011) yang merumuskan hubungan negatif antara keagamaan dan kepercayaan. Walaupun individu menaruh kepercayaan dan gemar berinteraksi sosial dengan insan yang mempunyai tahap keagamaan yang tinggi, namun kepercayaan mereka terbatas kepada mereka yang mempunyai kepercayaan agama yang sama (Chuah et al., 2016).

Analisis menunjukkan bahawa pembolehubah keagamaan tidak mempengaruhi perkongsian matlamat individu dengan orang lain yang sependapat dengan kajian Cunningham (2010) di mana individu dengan tahap keagamaan tinggi tetapi menganut agama yang berlainan mempunyai perkongsian matlamat yang berbeza dengan individu lain. Seterusnya, teori modal sosial yang merangkumi pembolehubah interaksi sosial, kepercayaan dan perkongsian matlamat mempengaruhi nilai moral seseorang individu yang sependapat dengan kajian King and Furrow (2004). Kajian lain juga mendapati individu dengan tahap keagamaan tinggi dan memenuhi ciri-ciri modal sosial lebih menjurus untuk menjalani aktiviti keagamaan dan menjadi sukarelawan (Maselko, Hughes & Cheney, 2011) dan seterusnya menjadi insan yang bermoral tinggi. Namun begitu, nilai korelasi β yang negatif menunjukkan bahawa tahap modal sosial yang tinggi mungkin menghasilkan nilai moral yang rendah sepertimana kajian Decety et al. (2015) yang mendapati kanak-kanak dengan persekitaran keagamaan menjadikan mereka kurang prihatin terhadap orang lain.

Secara amnya, kajian ini mendapati aspek keagamaan mempunyai hubungan yang rapat dengan pembinaan nilai moral seseorang individu walaupun hasil kajian mendapati hubungan yang bertentangan. Oleh yang demikian, kajian selanjutnya perlu diadakan untuk mengenal pasti sejauh mana hasil kajian dapat diguna pakai untuk membantu keluarga, masyarakat, organisasi serta kerajaan dalam membentuk pembangunan modal insan di kalangan belia di Malaysia.

Rujukan

Abdullah al-Hadi Muhamed, Rorzumah Baharudin, Rumaya Johari, Mansor Talib, Tan Jo-Pei, Asnarulkhadi Abu Samah & Amna Md. Noor. (2001). *Laporan akhir kajian salah laku di kalangan pelajar sekolah menengah dan rendah: Implikasi untuk polisi*. Serdang: Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia.

Al-Ghazali. (1993). *Ihya’ Ulum-Id-Din*. Karachi, Pakistan: Darul Ishaat.

Baharom Mohamad, Ali Suradin, & Za’aba Helmi Khamisan (2008, Oktober). *Peranan pendidikan Islam dan pendidikan moral dalam membina sahsiah pelajar berkualiti*. Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008 Universiti Teknologi Malaysia.

Berggren, N. & Bjornskov, C. (2011). Is the importance of religion in daily life related to social trust? Cross-country and cross-state comparisons. *Journal of Economic Behavior & Organization*, 80(3), 459-480.

Boundless (2016). Understanding social interaction. *Boundless Sociology*. Diakses dari <https://www.boundless.com/sociology/textbooks/boundless-sociology-textbook/social-interaction-5/understanding-social-interaction-50/understanding-social-interaction-314-5912/>

Chuah, S. H., Gachler, S., Hoffmann, R. & Tan, J. H. W. (2016). Religion, discrimination and trust among three cultures. *European Economic Review*, 90, 280-301.

- Coleman, J. S. (1988). Social capital in the creation of human capital. *American Journal of Sociology*, 94, (Supplement), S95-S120.
- Cunningham, G. B. (2010). The influence of religious personal identity on the relationships among religious dissimilarity, value dissimilarity and job satisfaction. *Social Justice Research*, 23(3), 60-79.
- Decety, J., Cowell, J. M., Lee, K., Mahasneh, R., Malcolm-Smith, S., Selcuk, B. & Zhou, X. (2015). The negative association between religiousness and children's altruism across the world. *Current Biology*, 25, 2951-2955.
- Dzuhailmi Dahalan, Steven Eric Krauss, S. E., Azimi Hamzah & Abd Hadi Sulaiman. (2014). Pegangan agama dalam kalangan belia awal pelbagai kaum di Malaysia. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 9(1), 117-130.
- Eichhorn, B. R. (2014, October 5-7). *Common method variance techniques*. Pembentangan kertas kerja di MWSUG 2014 Annual Conference, Chicago, Illinois. Diakses dari <http://www.mwsug.org/proceedings/2014/AA/MWSUG-2014-AA11.pdf>
- Fauziah Ibrahim, Norulhuda Sarnon, Khadijah Alavi, Mohd Suhaimi Mohamad, Noremy MdAkhir & Salina Nen (2012). Memperkasakan pengetahuan agama dalam kalangan remaja bermasalah tingkah laku: Ke arah pembentukan akhlak remaja sejahtera. *Journal of Social Science and Humanity*, 7(1), 84-93. Diakses dari <http://pkukmweb.ukm.my/e-bangi/papers/2012/specialissues/fauziah012.pdf>
- Gorsuch, R. L. (1995). Religious aspects of substance abuse and recovery. *Journal of Social Issues*, 51(2), 65-83.
- Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., & Anderson, R. E. (2010). *Multivariate data analysis: A global perspective* (7th ed.). New Jersey: Pearson Education.
- Khairiah Sulaiman (2014). *Amalan-amalan Islam dan kesannya terhadap pelajar aliran agama: Kajian di Sekolah Menengah Agama Parit Raja Batu Pahat, Johor*. Kertas Projek Ijazah Sarjana Muda, Fakulti Sains Sosial Gunaan Open University Malaysia.
- King, P. E. & Furrow, J. L. (2004). Religion as a resource for positive youth development: Religion, social capital, and moral outcomes. *Developmental Psychology*, 40(5), 703–713.
- Li, L. (2005). The effects of trust and shared vision on inward knowledge transfer in subsidiaries' intra- and inter-organizational relationships. *International Business Review*, 14, 77–95.
- Lim, C. & Putnam, R. D. (2010). Religion, social networks and life satisfaction. *American Sociological Review*, 75, 914-933.
- Malaysian Digest (2017, January 31). *TN50: A journey for the future generation to look forward to*. Diakses dari <http://www.malaysiandigest.com/frontpage/282-main-tile/655904-tn50-a-journey-for-the-future-generation-to-look-forward-to.html>
- Maselko, J., Hughes, C. & Cheney, R. (2011). Religious social capital: Its measurement and utility in the study of the social determinants of health. *Social Science & Medicine*, 73(5), 759-767.
- Mc Cullough, M.E. & Willioughby, L.B. (2006). Religion, self-regulation and self control: Association, explanation and implication. *Psychological Bulletin*, 135(1), 69-93.
- McCullough, M. E. & Carter, E. C. (2013). Religion, self-control, and self-regulation: How and why are they related? In K. I. Pargament (Ed.), *APA Handbook of Psychology, Religion and Spirituality*, 1, 123–138. American Psychological Association. Diakses dari <https://doi.org/10.1037/14045-006>
- Mohd Rafi Yaacob. (2011). *PASW (SPSS) for business and social science students*. Kota Bharu, Kelantan: Eduserve Resources.
- Muhammad Abul Quasem (1975). *The ethics of al-Ghazālī: A composite ethics in Islam*. Petaling Jaya: Central Printing Sendirian Berhad.
- Putnam, R. (1993). *Making democracy work: Civic traditions in modern Italy*. Princeton, NJ: Princeton University Press.
- Steinman. K. J. & Zimmerman, M. A. (2004). Religious and risk behaviour among African American adolescents: Concurrent and developmental effects. *American Journal of Community Psychology*, 334(3). Diakses dari <http://de.oiselle2femme.org/wp-content/uploads/Religious-Activity-and-Risk-Behavior-Among.pdf>
- Stroope, S. (2012). Social networks and religion: The role of congregational social embeddedness in religious belief and practice. *Sociology of Religion*, 73(3), 273-298.
- Traunmuller, R. (2011). Moral communities? Religion as a source of social trust in a multilevel analysis of 97 German regions. *European Sociological Review*, 27(3), 346-363.
- Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail & Noranizah Yusuf (2012). Faktor persekitaran sosial dan hubungannya dengan pembentukan jati diri. *Jurnal Hadhari Special Edition*, 155-172. Diakses dari http://journalarticle.ukm.my/6104/1/JD005862_155-172.pdf